

PM yakin kerajaan semakin kukuh

Kesepakatan parti terus erat ketepi cubaan sabotaj, jatuhkan pemerintah

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih yakin dengan kesepaduan Kerajaan Perpaduan ketika ini yang semakin kukuh berbanding ketika mula mengambil alih kerajaan.

Perdana Menteri berkata, ketika awal pertukaran kerajaan, pelbagai percubaan menggagalkannya, termasuk menerusi perakuan bersumpah (SD).

"Saya lebih yakin, sebagaimana kita lihat Konvensyen Kerajaan Perpaduan semalam (kelmarin) yang telah menetapkan satu bentuk kerajaan kukuh.

"Pada peringkat awal saya ambil itu, macam-macam percubaan, SD dan sebagainya dan sampai kepada Yang di-Pertuan Agong dan Sultan.

"Tetapi apabila beberapa bulan berlalu, nampak lebih kemas. Dalam sistem politik demokrasi, siapa pun boleh rebut kuasa ikut jalur yang sah.

"Ketua parti sama ada Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), parti besar bagi komitmen yang sangat jelas.

"Pengukuhan menerusi perhimpunan semalam (kelmarin) jelas bahawa sekurang-kurangnya untuk bertahun akan datang ini, tidak ada lagi layanan terhadap percubaan untuk sabotaj kerajaan yang ada," katanya pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, menerusi beberapa program dilaksanakan Kerajaan Perpaduan telah memberi keyakinan, negara mungkin mantap kalau kerajaan itu stabil dan ada jangka panjangnya sehingga Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kestabilan politik sedia ada dalam negara telah menyumbang kepada beberapa prestasi yang baik antaranya ekonomi negara mencatat pertumbuhan lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023.

Dalam pada itu, Anwar juga berkata kerajaan sedang mempersiapkan kajian semula sepa-



Anwar bersama Ahmad Zahid pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam.

ruh penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan menekankan kepada kecemerlangan dan memperbaiki kelemahan.

Beliau berkata, berbekalkan semangat dan keyakinan, beberapa anjakan dalam RMK12 perlu dibuat, terutama tumpuan kepada kemudahan dan keperluan asas seperti bekalan air.

"Sebab itu saya minta dengan semangat yang ada, kita buat beberapa anjakan, kita sebut umpamanya sekarang siapkan kajian semula separuh penggal RMK12.

"Bukan bermakna kita meninggalkan atau meremehkan usaha yang lama tetapi mesti ada selalu *striving for excellence* (usaha capai kecemerlangan), tengok apa kelemahannya," katanya.

Anwar memberi contoh masalah air dihadapi rakyat, terutama di Sabah dan Kelantan.

"Kalau ikut rancangan kita dia mengambil masa terlalu panjang, termasuk dalam RMK12 atau Belanjawan Madani," katanya.

Perdana Menteri berkata, perbincangan antara agensi berkaitan bersama Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan akan dilakukan.

"Ini hal yang memerlukan kesediaan penjawat awam berganjak sedikit daripada perencanaan atau penggubalan dasar seperti biasa. Ini saya sebut sebagai contoh bagaimana kalau kita betul-betul menyantuni rakyat," katanya.

Sementara itu, berucap pada Majlis Penerapan Nilai-Nilai Murni dan Rumah Terbuka Aidfitri KDN, Anwar mengingatkan anggota agensi penguatkuasaan supaya sentiasa meningkatkan prestasi kerja dan mengelak amalan rasuah, di samping menanam

tekad membanteras ketirisan.

"Mustahil Allah SWT jadikan manusia ini tidak boleh tingkatkan mutu kebaikannya. Jadi, apa lagi dalam bidang tugas kita kepada manusia, kepada Muslim, kepada bukan Muslim, kepada haiwan, kepada tumbuh-tumbuhan, kepada bumi... kenal lah tunjuk kasih sayang.

"Hidup sekitar itu sahaja. Dalam politik, kerjaya kita semua, pihak penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara dan polis.

"Itu saja kita minta iaitu jalankan tugas dengan baik dengan sentiasa meningkatkan prestasi," katanya.

Katanya, sebarang kelemahan yang dikesan dalam tata kelola pentadbiran dan penugasan perlu diperbaiki segera bagi membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan terbaik.

"Pada mesyuarat Jemaah Menteri saya kerap tegur supaya diperbaiki, pasti ada jalannya. Ini termasuk seperti sistem di lapangan terbang dan negara.

"Hari ini (semalam) kita bincang masa mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bersama (Timbalan Perdana Menteri) Datuk (Seri Dr Ahmad) Zahid (Hamidi), soal penyeludupan masih tinggi, hilang (ketirisan subsidi) diesel adalah RM10 bilion setahun.

"Jumlah ini boleh bina universiti, boleh baiki rumah penginapan polis, tentera, penjara. Sebab itu saya minta kepada badan penguatkuasaan mesti berjalan dengan baik," katanya.

Hadir sama, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution dan timbalannya, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah serta Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul.